

**SENARAI PROJEK / PROGRAM PEMBAHARUAN DAN PENAMBAHBAIKAN BAGI TAHUN 2016 / 2017
DI BAWAH KEMENTERIAN KESIHATAN**

Tajuk	Fokus WPA 21			Objektif & Sasaran / KPIs	Keterangan Ringkas	Cabaran & Tindakan Susulan	Pencapaian
	Dasar	Struktur Organisasi	Pelaksanaan Organisasi				
KEMENTERIAN KESIHATAN							
Pejabat Pengurusan Lembaga-Lembaga							
1	Penyelarasan dan peneragaman borang permohonan pendaftaran Ahli-Ahli Profesion Kesihatan	✓		<ul style="list-style-type: none"> Mendukung misi Kementerian Kesihatan dalam usaha memberikan perkhidmatan yang terbaik dan mengutamakan pelanggan / pengguna Memperkemas, memperkemas, memberkesankan dan memudahkan lagi proses permohonan pendaftaran keahlian bagi ahli-ahli profesion kesihatan Membantu mempermudah tugas kakitangan yang memproses permohonan supaya menjadikannya lebih efektif dan efisien serta meningkatkan produktiviti kerja 	Sebelum Pejabat Pengurusan Lembaga-Lembaga (BMO) ditubuhkan pada April 2016, Lembaga-Lembaga Perubatan, Jururawat dan Farmasi serta Perubatan Tradisional & Komplementari (T&CM) adalah ditadbir di bawah Jabatan masing-masing. Setelah penubuhan Pejabat Pengurusan Lembaga-Lembaga, Lembaga-Lembaga Perubatan, Jururawat, Farmasi, T&CM serta Allied Health Professional Council telah diserapkan dibawah urustadbir BMO yang antara lain telah menyemak, menyelaras dan mensekragamkan proses kerja permohonan pendaftaran ahli-ahli profesion kesihatan termasuk merekabentuk borang permohonan dan menjadikannya tersedia dimuatturun melalui laman sesawang Kementerian Kesihatan bagi memudahkan pelanggan / pengguna.	<p>CABARAN</p> <p>Merekabentuk borang yang seragam dengan memastikan semua keperluan yang ditetapkan oleh setiap Lembaga dimuatnaik kedalam borang tersebut.</p> <p>TINDAKAN SUSULAN</p> <p>Akan sentiasa memantau dan menambahbaik jika perlu, demi memberkesankan lagi proses dan penggunaannya.</p>	Maklumbalas secara lisan yang positif dari ahli-ahli profesion kesihatan yang mendaftar
2	Penggubalan Akta Pengamal Perubatan (Medical Practitioner Order 2017)	✓		<ul style="list-style-type: none"> Penyediaan draf Akta Perubatan bagi penelitian oleh pihak-pihak berkaitan Penyediaan draf Akta bagi khidmat nasihat Pejabat Peguam Negara Penyediaan Akta bagi titah perkenan dari KDYMM Pemberitaan Akta dan seterusnya perlaksanaan dan penguatkuasaan Akta 	Penggubalan Akta Pengamal Perubatan telah dimulakan bagi menggantikan Akta yang sedia ada bagi menaik taraf dan memenuhi keperluan dalam urusan pentadbiran dan pengurusan perlesenan pengamal-pengamal perubatan	<p>CABARAN</p> <ul style="list-style-type: none"> Kurang kemahiran dalam bahasa perundangan dan penggunaannya dalam sektor swasta Tindak balas dari pihak-pihak berkepentingan boleh mengambil masa yang lama <p>TINDAKAN SUSULAN</p> <ul style="list-style-type: none"> Mengekalkan komunikasi secara berkala bagi mendapatkan status terkini terhadap khidmat nasihat dari pihak yang berkaitan 	Setakat ini penyediaan dan pembentangan adalah bertepatan dengan keperluan Lembaga Perubatan Brunei
Perkhidmatan Peraturan-Peraturan Kesihatan							
3	Meningkatkan keberkesanan penguatkuasaan Perintah Tembakau 2005	✓		<ul style="list-style-type: none"> Menguatkuasa Perintah Tembakau 2005 di kesemua Hospital kerajaan dan pusat-pusat kesihatan di seluruh negara dengan melantik Pegawai Penguatkuasa di lokasi-lokasi berkenaan. Melaratkan perkara 1 di atas ke jabatan dan kementerian lain secara berfasa. Keutamaan diberikan kepada jabatan dan kementerian yang sudah mempunyai pegawai penguatkuasa perundangan dibawah kawalan masing-masing 	Penguatkuasaan Perintah Tembakau 2005 banyak bergantung kepada rondaan dan pemantauan harian secara berjadual yang dijalankan oleh Unit Penguatkuasaan kesihatan, dimana seramai 3 orang pegawai dan kakitangan ditugaskan untuk menjalankan tanggungjawab sebagai penguatkuasa. Melalui program ini, keberkesanan penguatkuasaan ditingkatkan dengan melantik penguatkuasa tambahan dari kalangan warga kementerian kesihatan dan seterusnya dilaratkan ke Jabatan dan Kementerian lainnya yang sudah berperanan selaku penguatkuasa di bidang masing-masing.	<p>CABARAN</p> <ul style="list-style-type: none"> Bengkel latihan memerlukan perancangan rapi memandangkan tenaga pengajar dan kakitangan dokongan adalah terhad. <p>TINDAKAN SUSULAN</p> <ul style="list-style-type: none"> Mengedarkan senarai pegawai yang diberi kuasa sebaik sahaja senarai tersebut di gazette Memproses Kad Waran bagi Pegawai yang diberi kuasa Mengadakan bengkel Latihan secara berperingkat 	

Tajuk	Fokus WPA 21			Objektif & Sasaran / KPIs	Keterangan Ringkas	Cabaran & Tindakan Susulan	Pencapaian
	Dasar	Struktur Organisasi	Pelaksanaan Organisasi				
Pusat Promosi Kesihatan							
4	Logo pilihan lebih sihat (<i>Healthier Choice Logo</i>)	✓		<p>Matlamat: Mewujudkan persekitaran pasaran tempatan yang kondusif dan mendorong pilihan makanan sihat melalui-</p> <ul style="list-style-type: none"> • Penghasilan dan promosi 'Brunei Nutrient Criteria' dan Logo Pilihan Lebih Sihat • Mereformasikan/merumus semula sebahagian produk makanan tempatan yang bersesuaian untuk dijadikan produk yang lebih sihat dengan kerjasama industri makanan tempatan. • Penghasilan lebih banyak produk-produk pilihan lebih sihat dipasaran tempatan, pasaraya dan tempat/premis makan. <p>Objektif</p> <ul style="list-style-type: none"> • 10% Peningkatan dalam jumlah produk makanan atau minuman yang mempunyai logo pilihan lebih sihat pada penghujung 2018 • 20% Peningkatan kadar pengguna-pengguna yang membaca label nutrisi dan memilih produk makanan lebih sihat pada penghujung 2018 <p>Sasaran:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Pengusaha MKS (mikro, kecil & sederhana) produk makanan dan minuman tempatan • Tempat makan tempatan • Orang awam / pengguna-pengguna 	Menurut saranan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), langkah-langkah kos-efektif bagi menangani penyakit-penyakit tidak berjangkit (NCD), terutama sekali dalam mempromosi permakanan sihat termasuklah mengurangkan pengambilan garam dan menggantikan lemak trans (trans-fat) dengan lemak poli-tidak tepu (polyunsaturated fat). Salah satu cara ialah dengan menggalakkan industri makanan untuk mengurangkan kandungan garam, gula dan lemak tepu serta merangsang pembaharuan dan penghasilan produk makanan mereka (reformulation). Produk-produk tersebut dikehendaki mempamerkan panel maklumat nutrisi, seperti yang dimandatkan oleh Kerajaan dan ditambah dengan label depan pek (<i>front of pack labelling</i>) seperti Logo Pilihan Lebih Sihat. Logo Pilihan Lebih Sihat merupakan satu mekanisme penjenamaan serta garispandu yang membolehkan industri makanan untuk mereformulasi/merumus semula produk makanan mereka mengikut senarai kriteria nutrien lebih sihat tempatan. Dengan adanya logo tersebut, ianya akan dapat memberi maklumat serta meningkatkan kesedaran pengguna-pengguna mengenai ketersediaan pilihan produk makanan sihat di pasaran tempatan supaya akan dapat mempengaruhi tingkahlaku pembelian makanan untuk lebih cenderung dan mudah untuk membeli produk makanan lebih sihat. Inisiatif ini adalah selaras dengan salah satu langkah untuk mempromosi permakanan sihat yang digariskan dalam BruMAP-NCD 2013-2018 dan juga adalah salah satu inisiatif kesihatan dalam rangka kerja Wawasan 2035	<p>CABARAN</p> <ul style="list-style-type: none"> • Sambutan daripada syarikat-syarikat pengeluar makanan tempatan mengenai inisiatif ini adalah rendah • Pemantauan produk makanan dan minuman yang telah diiktiraf dengan logo pilihan sihat di gedung-gedung perniagaan memerlukan tenaga kerja yang ramai dan mengambil masa • Majoriti daripada produk makanan yang diimport daripada luar negeri <p>TINDAKAN SUSULAN</p> <ul style="list-style-type: none"> • Mempertingkatkan pemberiagan secara berterusan • Mempertimbangkan inisiatif <i>mutual recognition</i> atau MCU bagi produk-produk yang mempunyai logo pilihan lebih sihat dari negara-negara jiran / serantau yang diimport ke dalam Negara Brunei Darussalam. 	
Jabatan Dasar dan Perancangan							
5	Clinical Coding Auditing	✓		Menghasilkan data kesihatan kebangsaan yang berkualiti tinggi bagi keperluan Kementerian kesihatan dalam membuat sebarang intervensi, perancangan perkembangan perkhidmatan dan pembentukan dasar-dasar berasaskan bukti (<i>evidence based policies</i>)	Menilai kualiti data morbidity melalui pengkodangan ICD-10 pada diagnosos yang direkodkan dalam sistem Bru-HIMS adalah tepat menurut tatacara perkodangan ICD-10 yang standard	<p>CABARAN</p> <p>Terdapat beberapa kes yang tidak mempunyai keterangan atau rujukan bagi setiap kod diberikan</p> <p>TINDAKAN SUSULAN</p> <p>Pengauditan koding ICD-10 akan diadakan pada hujung bulan Disember 2017</p>	Dari 72 rekod perubatan yang layak, sebanyak 505 kes konsultasi dari pelbagai fasiliti kesihatan dapat dilaksanakan pengauditan

Tajuk	Fokus WPA 21			Objektif & Sasaran / KPIs	Keterangan Ringkas	Cabaran & Tindakan Susulan	Pencapaian
	Dasar	Struktur Organisasi	Pelaksanaan Organisasi				
Jabatan Perkhidmatan Makmal							
6	Penyepaduan perkhidmatan makmal-makmal di bawah Kementerian Kesihatan	✓		<ul style="list-style-type: none"> Memantapkan kualiti perkhidmatan melalui penyepaduan perkhidmatan, kemudahan dan infrastruktur yang sedia ada Meningkatkan kecekapan dan mengoptimalkan sumber tenaga kerja 	Dibawah Kementerian Kesihatan telah terdapat tiga (3) jabatan yang menjalankan ujian makmal di pelbagai bidang iaitu: (i) Jabatan Perkhidmatan Sainifik, (ii) Jabatan Perkhidmatan Makmal, dan (iii) Jabatan Perkhidmatan Farmasi. Dengan penyepaduan perkhidmatan makmal yang dijalankan oleh ketiga jabatan tersebut, kesemua ujian makmal kini dibawah satu fungsi iaitu Perkhidmatan Makmal.	CABARAN <ul style="list-style-type: none"> Penempatan kakitangan di beberapa Unit yang baru ditubuhkan Pemindahan kakitangan secara fizikal dan pengubahsuaian bilik pejabat dan makmal Pemindahan peralatan dan perkakas pejabat dan makmal. Perubahan kandungan bagi Quality Manual ISO17025 dan Quality Manual ISO15189 TINDAKAN SUSULAN <ul style="list-style-type: none"> Memantau keberkesanan penempatan dan pemindahan kakitangan ke atas mutu perkhidmatan Memantau keberkesanan penyepaduan perkhidmatan makmal yang digabung. 	
Jabatan Perkhidmatan Kejururawatan							
7	Melaksanakan 2 hourly intentional (HI) rounding kepada setiap pesakit di wad-wad setiap 2 jam dari jam 6 pagi hingga 10 malam dengan memastikan 4ps (Pain, Position, Potty & Possesion) diperiksa setiap 2 jam melalui amalan intentional rounding di kesemua hospital-hospital kerajaan di negara ini	✓		<ul style="list-style-type: none"> Mengamalkan 2-HI rounding iaitu amalan yang berasaskan bukti untuk meningkatkan mutu perkhidmatan kejururawatan dan perbidan Kementerian Meningkatkan penilaian perkhidmatan pelanggan (customer satisfaction survey) bagi pesakit-pesakit yang ditahan dihospital kearah kepuasan pelanggan Memberi perkhidmatan amalan kejururawatan dan perbidanan yang lebih proaktif dan berkesan untuk meningkatkan tahap kesihatan pesakit Menuju kearah terbinanya budaya kerja kejururawatan dan perbidanan yang lebih efektif dan berkesan 	Implementing 2-HI Rounding is a new best practice that reduces patient falls and skin breakdowns while improving patient satisfaction. It drives more nursing care to the bedside, so nurses can be proactive instead of reactive with respect to workflow. Literature demonstrates that diverse rounding methods have been shown to positively impact a wide variety of quality and safety outcomes, as well as patient and staff satisfaction. Rounds are intended to increase patient safety and satisfaction of patients, family members, and staff. The proven outcomes of 2-HI Rounding are decreased patient falls; decreased skin breakdown; improved patient satisfaction including decreased call light usage and distance walked each day by nursing staff.	CABARAN <ul style="list-style-type: none"> Ketidakeragaman dalam mempraktikkan tataraca rounding Kesibukan tugas yang menyukarkan rounding dilakukan setiap 2 jam Kekurangan kakitangan yang menyukarkan rounding dipraktikkan Kurang pengetahuan mengenai kepentingan dan tataraca melakukan rounding TINDAKAN SUSULAN <ul style="list-style-type: none"> Mengadakan bengkel-bengkel yang berkaitan bagi meningkatkan pengetahuan mengenai kepentingan rounding Menyediakan alat/tools untuk membantu jururawat dalam memudahkan amalan rounding 	
Jabatan Perkhidmatan-Perkhidmatan							
8	Penstrukturan semula Unit Pengurusan Pesakit	✓		Mengikut jangka masa yang ditetapkan (proses kebenaran)	Tujuan penstrukturan semula unit ini akan membawa fokus perubahan yang menghasilkan tema rujukan dan fungsi unit yang lebih jelas, pengurangan duplikasi dan pembaziran sumber-sumber, dan pengurusan kewangan yang lebih mantap dengan memastikan pelaksanaan perancangan perbelanjaan yang berhemat dan berkonsepkan value for money	CABARAN <ul style="list-style-type: none"> Memperolehi laporan perubahan daripada pihak hospital yang dirujuk Memandangkan cadangan dasar masih menunggu ketetapan ianya menyebabkan projek ini belum dapat diberigakan sepenuhnya Penglibatan agensi-agensi kerajaan yang lain juga turut menjadi cabaran dalam menepati TPOR yang telah dirancang TINDAKAN SUSULAN <p>Tertakluk kepada ketetapan dasar yang dicadangkan</p>	Mengurangkan jangka masa dan jumlah kakitangan yang terlibat dalam prosedur pemprosesan sekaligus ketetapan

Tajuk	Fokus WPA 21			Objektif & Sasaran / KPIs	Keterangan Ringkas	Cabaran & Tindakan Susulan	Pencapaian
	Dasar	Struktur Organisasi	Pelaksanaan Organisasi				
Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha							
9	Projek Customer Service Relations (CSR)		✓	30% daripada jumlah pegawai dan kakitangan Hospital RIPAS menghadiri latihan CSR	Projek CSR ini adalah satu projek yang bertujuan untuk meningkatkan lagi mutu perkhidmatan mesra pelanggan dikalangan pegawai Kakitangan Hospital. Projek ini memfokuskan kepada peningkatan pengalaman pesakit (<i>patient experience</i>) yang positif dengan memberikan nilai tambah terutama nya dari segi <i>software</i> pegawai dan kakitangan Hospital melalui kursus latihan. Projek ini juga adalah selaras dengan salah satu keutamaan strategik Kementerian Kesihatan, iaitu untuk meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan.	<p>CABARAN</p> <p>Jumlah peserta kursus daripada Hospital RIPAS yang dapat dikeluarkan bagi menghadiri kursus CSR dan menyampaikan kuota peserta setiap kali kursus diadakan</p> <p>TINDAKAN SUSULAN</p> <ul style="list-style-type: none"> Membukakan kursus CSR kepada pegawai dan kakitangan Kementerian Kesihatan dan jabatan-jabatan dibawahnya Membuat Trained the Trainers bagi meningkatkan jumlah tenaga pengajar dan jumlah sesi kursus yang dapat diadakan. 	
10	Model Ward Culture Program (Program Budaya Wad Contoh)		✓	Objektif: Menyediakan dan memberikan perkhidmatan hospital yang berkualiti tinggi yang selamat, tepat pada masa nya, efektif, efisien, saksama dan 'patient-centred' KPI: Penyelesaian dan pencapaian 100% di dalam semua standard di bawah IPSC	Program model ward culture ini dipelopori oleh Perkhidmatan Kejururawatan, Hospital RIPAS dan bertujuan untuk menyediakan dan mengemaskini garispandu dan SOP yang digunakan di wad-wad. Penyediaan garispandu dan SOP berkenaan adalah menjurus kepada salah satu standard Joint Commission International iaitu International Patient Safety Goals (IPSG). Pelaksanaan program juga adalah selaras dengan misi Hospital iaitu untuk menyediakan dan memberikan perkhidmatan hospital yang berkualiti tinggi yang selamat, tepat pada masa nya, efektif, efisien, saksama dan 'patient-centred'. Lanya juga diharap dapat membantu mempromosikan pengalaman positif pesakit yang menerima rawatan di Hospital ini	<p>CABARAN</p> <ul style="list-style-type: none"> Critical care pathways- kurang penglibatan daripada pihak pegawai perubatan (dokter) Hala tuju dan penyeragaman proses yang dapat digunakannya di semua wad-wad <p>TINDAKAN SUSULAN</p> <ul style="list-style-type: none"> Pihak pengurus jururawat akan mengetuai projek clinical care pathways dan pihak pegawai perubatan (dokter) akan menjadi ahli komiti sahaja. Perubatan komiti <i>Quality of Patient Safety</i> di peringkat Hospital. Komuniti ini berfungsi untuk memastikan SOP dan garispandu yang dibuat adalah selaras dengan kehendak JCL 	
Hospital Pengiran Isteri Hajah Mariam							
11	Quick Seamless Patient Transfer Cross-Broder Via Land Ambulance		✓	<ul style="list-style-type: none"> Bagi meningkatkan komunikasi di antara Hospital PIHM dan agensi - agensi lain yang terlibat dalam proses ini. Mengurangkan durasi bagi proses ini termasuk waktu menunggu sebanyak 50% (Dari 6 jam ke 3 jam). Meningkatkan efisien dalam proses penghantaran pesakit melalui Limbang menggunakan Ambulan darat. Bagi memastikan dan meningkatkan penjagaan pesakit yang berkualiti tinggi sepanjang perjalanan ke destinasi bagi rawatan seterusnya 	Projek ini adalah bagi mengenalpasti beberapa perkara yang dapat diperbaiki termasuk mengatasi beberapa masalah yang pernah dihadapi samada secara dalaman atau luaran dari Kementerian Kesihatan. Ini juga bagi memastikan Hospital PIHM memberikan perkhidmatan yang berkualiti dalam membuat penghantaran pesakit dari Daerah Temburong ke Daerah Brunei - Muara.	<p>CABARAN</p> <ul style="list-style-type: none"> Maklumbalas belum diterima daripada Kementerian Kesihatan mengenai perbincangan dengan Limbang Sarawak terutama sekali selepas pos kawalan ditutup. <p>TINDAKAN SUSULAN</p> <ul style="list-style-type: none"> Membuat surat susulan kepada Kementerian Kesihatan 	

Tajuk	Fokus WPA 21			Objektif & Sasaran / KPIs	Keterangan Ringkas	Cabaran & Tindakan Susulan	Pencapaian
	Dasar	Struktur Organisasi	Pelaksanaan Organisasi				
12	Program Cara Hidup Sihat (PCHS) kohort 2		✓	<ul style="list-style-type: none"> Purata pengurangan berat badan sebanyak 1-2 kg setiap bulan atau 5%-10% berat badan dalam tempoh 3 bulan Mengubah tingkah laku secara positif Peningkatan bagi kesihatan seperti Body Mass Index (BMI), Waist Hip Ratio (WHR), blood pressure, fasting Blood Sugar (FBS) dan Lipid Profile (cholesterol, HDL, LDL, Triglycerides). 	<p>Program ini merupakan kohort ke-2 yang mana bertujuan bagi membantu pengurangan berat badan dengan mengikuti gaya hidup sihat berdasarkan pengubahsuaian tingkah laku gaya hidup dan amalan gaya hidup sihat seperti makan peranakan yang sihat dan melakukan aktiviti fizikal secara tetap. Peserta terdiri dari orang ramai samada kakitangan kerajaan atau persendirian, yang memenuhi syarat bagi program ini.</p> <p>Beberapa pendekatan akan dilalui oleh peserta termasuk disiplin yang melibatkan doktor, ahli psikologi, pakar pemakanan, pegawai pendidikan kesihatan dan jururawat. Selama tiga bulan dalam program, peserta akan dapat mendisiplinkan diri sendiri dengan mempraktikkan semua yang telah diajarkan sehingga mencapai masa yang telah ditentukan sehingga peserta dilepaskan daripada program ini.</p>	<p>CABARAN Peserta mempunyai komitmen kerja yang mana terpaksa tidak mengikuti beberapa kelas dalam program</p> <p>TINDAKAN SUSULAN Mengadakan program kohort 3 untuk peserta baru</p>	Kesemua peserta merekodkan pengurangan berat badan melalui perkiraan sebelum mengikuti program dan dipenghujung program
13	Program Cara Hidup Sihat (PCHS) kohort 3		✓	<ul style="list-style-type: none"> Purata pengurangan berat badan sebanyak 1-2 kg setiap bulan atau 5%-10% berat badan dalam tempoh 3 bulan Mengubah tingkah laku secara positif Peningkatan bagi kesihatan seperti Body Mass Index (BMI), Waist Hip Ratio (WHR), blood pressure, fasting Blood Sugar (FBS) dan Lipid Profile (cholesterol, HDL, LDL, Triglycerides) 	<p>Program ini merupakan kohort ke - 3 yang mana bertujuan bagi membantu pengurangan berat badan dengan mengikuti gaya hidup sihat berdasarkan pengubahsuaian tingkat laku gaya hidup dan amalan gaya hidup sihat seperti makan peranakan yang sihat dan melakukan aktiviti fizikal secara tetap. Peserta terdiri dari orang ramai samada kakitangan kerajaan atau persendirian, yang memenuhi syarat bagi program ini.</p> <p>Beberapa pendekatan akan dilalui oleh peserta termasuk disiplin yang melibatkan doktor, ahli psikologi, pakar pemakanan, pegawai pendidikan kesihatan dan jururawat. Selama tiga bulan dalam program, peserta akan dapat mendisiplinkan diri sendiri dengan mempraktikkan semua yang telah diajarkan sehingga mencapai masa yang telah ditentukan sehingga peserta dilepaskan dari program.</p>	<p>CABARAN Peserta mempunyai komitmen kerja yang mana terpaksa tidak mengikuti beberapa kelas dalam program</p> <p>TINDAKAN SUSULAN Mengadakan program kohort 4 untuk peserta baru</p>	Kesemua peserta merekodkan pengurangan berat badan melalui perkiraan sebelum mengikuti program dan dipenghujung program